

Cetak teknologi digital

bergbautechnik

Fenomena kekurangan siswa lelaki di IPT negara berlaku sejak 10 tahun lalu



FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@
mediaprime.com.my

WALAUPUN bergelar golongan minoriti, siswa lelaki perlu mampu menunjukkan persaingan untuk bersaing dengan siswa perempuan. - Gambar hiasan.

GAMBAR IHSAN NOORZALI

Minggu lalu, seramai 37,467 pelajar baru mendaftar diri ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan daripada jumlah itu 70 peratus didominasi siswa perempuan berbanding lelaki hanya 30 peratus.

Biarpun jumlah itu memang dijangka, ia sedikit sebanyak mencalarkan 'nama baik' siswa lelaki yang sudah beberapa tahun hanya menjadi golongan minoriti di menara gading.

Dengan jumlah 26,030 atau 69.5 peratus siswa perempuan diterima masuk manakala 11,437 atau 30.5 peratus siswa lelaki, ini membuktikan betapa sukarnya perjuangan golongan minoriti itu bersaing di puncak menara gading.

Mungkinkah ada penyebab yang kukuh, mengapa siswa lelaki masih lagi gagal melonjakkan jumlah kemasukan saban tahun hingga bilangan golongan itu tetap tidak ber ganjak.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Datuk Paduka Dr Junaidi Abu Bakar berkata, kekurangan kemasukan siswa lelaki adalah normal dan dihadapi semua institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan maupun seluruh dunia.

Beliau berkata, lumrah golongan itu lebih gemar terbabit dengan dunia berbentuk teknikal berbanding penumpuan kepada proses berbentuk akademik.

"Secara khusus, kemampuan siswa lelaki lebih menyenangi dunia teknikal berbanding proses pembelajaran berbentuk akademik seperti membaca dan menghafal.

"Kecenderungan ke arah itu membuatkan mereka lebih gemar membuat pemilihan dalam bidang teknikal kerana ia lebih maskulin, bersesuaian dengan jiwa dan lebih menjamin masa



SATU cabaran yang besar untuk siswa lelaki meneruskan perjuangan di menara gading. - Gambar hiasan.



PENGUNAAN sistem meritokrasi juga menjadi antara penyebab mengapa siswa lelaki semakin kekurangan. - Gambar hiasan.



**KAUNTER
PENDAFTARAN
(A)**

depan," katanya.

Menurutnya, kecenderungan siswa lelaki yang lebih selesa dengan persekitaran lasak turut menyumbang selain membuat pemilihan lain seperti bekerja misalnya.

"Bukanlah kata hidup di universiti tidak lasak. Maksud lasak dari sudut pemikiran lelaki ialah kemampuan mencabar diri sendiri dengan pemilihan kursus berbentuk alaf baru.

"Contohnya, jika 20 tahun lalu, program kejuruteraan dianggap lasak, kini ada pelbagai pilihan lain seperti penerangan.

"Dan, kursus seperti itu tidak ditawarkan di kebanyakan IPTA, sebaliknya di akademi swasta manakala tarikan dunia pekerjaan juga tidak boleh dielakkan terutama jika golongan itu melihat kuasa duit mengatasi segalanya," katanya.

Beliau berkata, dianggap sebagai golongan minoriti, adalah satu cabaran besar kepada siswa lelaki terutama bagi membuktikan kemampuan mereka setanding dengan siswa perempuan.

"Umum mengetahui bahawa siswa perempuan memang rajin belajar, selesa dengan pengajian berbentuk akademik juga mempunyai kemampuan menguasai teknikal seperti lelaki.

"Ini adalah satu cabaran yang besar untuk siswa lelaki kerana semua kemampuan mereka boleh dilakukan (siswa perempuan).

"Sebagai kaum minoriti di IPT, siswa lelaki seharusnya melihat senario ini sebagai satu cabaran yang hebat dan mesti membuktikan kemampuan mereka," katanya.

Fenomena kekurangan siswa lelaki di IPT negara berlaku sejak 10 tahun lalu dan fenomena itu semakin nyata sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menyingkap faktor keerosotan itu, katanya, sikap siswa lelaki yang kurang berminat dengan pendidikan berorientasikan peperiksaan adalah antara penyebabnya.

"Ada kajian yang dilakukan beberapa IPT sebelum ini mendapat pendidikan berorientasikan peperiksaan menyebabkan potensi pelajar lelaki di sekolah kurang menyerlah.

"Sistem ini sebaliknya banyak memberi kelebihan kepada pelajar perempuan kerana mereka sangat tekun mengulang kaji pelajaran menyebabkan kepandaian sedia ada mampu dipupuk.

"Pelajar lelaki cenderung kepada konsep praktikal menyebabkan mereka mencari institusi yang mampu menawarkan program seumpama itu walaupun mungkin layak menjelak kaki di IPT," katanya tidak menafikan ada pelajar lelaki sukakan bidang mencabar sejak dari sekolah

dan rela meletakkan status institusi sebagai syarat kedua.

"Ini kerana mereka melihat peluang kerjaya dalam bidang pilihan mampu memberi pulangan lebih baik walaupun institusi pilihan bukan bertahap IPT.

"Bidaung program yang lasak juga adalah antara daya tarikan utama kerana bersesuaian dengan kehendak fisiologi, sosiologi serta fizikal mereka.

"Golongan perempuan pula lebih selesa di IPT kerana mereka memang



DR Mohammad Shatar

golongan yang suka belajar, lebih terdedah kepada konsep peperiksaan yang kaedah ini diperaktikkan di menara gading," katanya.

Sistem meritokrasi yang diamalkan sejak beberapa tahun lalu juga, katanya turut menjadi punca kekurangan bilangan siswa lelaki di IPT.

"Kita tidak mampu menolak penggunaan sistem ini yang menggantikan sistem kuota walaupun ada IPT membenarkan siswa lelaki masuk atas alasan menyempitkan jurang.

"Bagaimanapun, cara ini kurang praktikal kerana ia mengorbankan aspek kualiti dan minat sekaligus akan meruntuhkan imej universiti sebagai penjana graduan cemerlang dan berkualiti.

"Seharusnya, siswa lelaki perlu menanam tekad untuk menaungi siswa perempuan secara sihat biarpun jumlah mereka sikit," katanya.

Bagaimanapun, masih ada cara untuk merapatkan jurang sedia ada dengan IPT sendiri memainkan peranan proaktif seperti memperkenalkan kursus diminati siswa lelaki.

"Kita kena akur sebahagian besar lelaki memang tidak minat belajar dan berdepan peperiksaan, justeru IPT harus bijak menawarkan kursus yang boleh menarik minat golongan itu.

"Pada masa sama, adakan pelbagai kempen dan ceramah kesedaran mengenai kepentingan



SISWA perempuan masih lagi mendominasi kemasukan ke IPTA saban tahun. - Gambar hiasan.

Universiti Kebangsaan Malaysia : 4,154 kemasukan manakala 1,121 siswa lelaki.

Universiti Malaysia Perlis : 2,538 kemasukan manakala 1,006 siswa lelaki.

Universiti Utara Malaysia : 3,109 kemasukan manakala 698 siswa lelaki.

Universiti Malaysia PAHANG : 1,952 manakala 937 siswa lelaki.

Universiti Sultan Zainal Abidin : 1,327 manakala 373 lelaki.

Universiti Malaysia Sabah : 4,851 manakala 1,475 siswa lelaki.

Universiti Putra Malay-

sia

: 4,659 manakala 1,381 siswa lelaki.

Universiti Sains Islam Malaysia : 2,083 manakala 597 lelaki

Universiti Teknologi Malaysia : 2,331 kemasukan manakala tidak menyatakan jumlah siswa lelaki dan perempuan.